

07/09/1997

Pemuda mahu Harakah diharamkan

PERGERAKAN Pemuda Umno mahu Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan pengharaman akhbar terbitan Pas, Harakah, dalam ucapan penangguhannya hari ini kerana akhbar itu menjadi parasit yang mengubah pemikiran serta menjatuhkan imej Islam.

Ketuanya, Datuk Zahid Hamidi, berkata Harakah perlu diharamkan segera kerana ahli Umno sudah lama memperkatakan keburukan akhbar itu, malah isu itu sudah beberapa kali dibangkitkan dalam perhimpunan agung Umno.

"Pemuda berpendirian tegas mahu kerajaan menghentikan pengedaran Harakah kerana akhbar itu tidak pernah mendapat permit Kementerian Dalam Negeri (KDN) tetapi masih dijual secara berleluasa," katanya ketika ditemui pemberita.

(END)